

23/06/2001

Ilmu perakaunan hindar kesangsian urus niaga

Mohd Nasir Mohd Yatim

PERAKAUNAN adalah catatan yang menggambarkan aktiviti dan pencapaian serta menerangkan kedudukan bagi unit ekonomi, termasuklah sebuah badan perniagaan. Rekod aktiviti perniagaan pula mencakupi kejadian budaya sosial amalan perniagaan.

Dengan kata lain, ia mempamerkan gambaran budaya dan sistem sosial masyarakat perakaunan yang diamalkan. Lantaran itu perakaunan juga adalah menggambarkan sesuatu budaya tertentu.

Dasar simpan kira pada lazimnya berbeza mengikut budaya. Sebagai contoh masyarakat Islam telah membentuk kaedah perakaunannya sejak zaman Abbasiyah. Namun demikian, pengaruh orientalis telah mempengaruhi amalan perakaunan masyarakat Islam sehingga kini.

Bagaimanapun ciri Islam masih lagi ada dalam penyata perakaunan. Perakaunan dalam Islam adalah berorientasikan masyarakat dan lebih bersifat normatif berbanding ciri penghuraian. Pemikiran mengenai perakaunan Islam amat kurang mendapat perhatian atau difahami. Inilah yang menimbulkan kesangsian dari segi kewujudan sistem perakaunan ini walaupun dalam masyarakat Islam sendiri.

Dengan hal yang demikian, amalan perakaunan itu dianggap sebagai anutan daripada budaya Barat. Namun demikian, bagi mengenal pasti ciri perakaunan dalam Islam, adalah penting bagi kita untuk melihat dari segi perbezaan institusi perakaunan itu diamalkan.

Disiplin perakaunan dikatakan terbentuk sebagai hasil tindak balas terhadap keperluan masyarakat. Menurut DM Gilling, perakaunan adalah alat mekanikal yang diguna pakai untuk menerangkan aktiviti perniagaan yang kemudiannya menjadi alat penting bagi menerangkan fakta utama mengenai industri moden dan kompleks dalam masyarakat.

Pada satu ketika, perakaunan berfungsi bagi merekod dan melaporkan maklumat bagi pemilik pengusaha. Kini fungsi pelaporan maklumat ini beralih kepada pelabur kerana fenomena milikan dan kawalan yang telah terasing serta menjadikan pengetahuan mengenai aktiviti perniagaan itu sebagai sesuatu yang bukan bersifat maklumat dalaman.

Berdasarkan keadaan ini, matlamat perakaunan telah tersisih sedikit yang pada asalnya adalah untuk menegakkan konsep kebertanggungjawaban kepada pemilik perniagaan.

Penyisihan ini berlaku kerana hasrat untuk mendorong kepada kesinambungan hayat perniagaan. Dalam hal yang demikian, perakaunan adalah ditujukan bagi mengukur keuntungan perniagaan yang berbeza daripada keuntungan sosial.

Masyarakat Islam menganggap badan perniagaan bertindak sebagai penyelaras kepada penggunaan harta benda dan kewangan serta faktor pengeluaran yang lain seperti tanah, modal, buruh, keusahawanan, teknologi dan pengetahuan.

Perkara itu memanglah diperakui sebagai asas kepada kegiatan pengeluaran dan perkhidmatan yang kemudiannya membawa kepada kegiatan mengagihkan pulangan aktiviti kepada penyumbanganya.

Namun demikian, masyarakat Islam tidak membentuk kaedah bagi kemajuan sosial dan dengan yang demikian pencapaian keuntungan sosial ini tidak terlapor.

* Prinsip perakaunan dalam Islam.

Kaedah merekod maklumat perakaunan kini telah mencapai tahap kepesatan kerana ada peralatan komputer. Dengan yang demikian, ia adalah faktor yang

mewajarkan pelaporan ke atas perkara yang tidak dilaporkan selama ini. Oleh itu, kajian semula perlu dilakukan untuk melihat kepada perkara tambahan yang dilaporkan tetapi masih tidak dilaporkan sehingga kini. Ia juga bagi memenuhi aspirasi masyarakat Islam itu sendiri dan sebagai sumbangan kepada masyarakat Islam pada masa depan.

Daripada perbincangan ini, dapatlah difahami bahawa perbezaan dari segi struktur sosial adalah mempengaruhi tugas perakaunan dalam sesuatu masyarakat yang telah pasti akan menjangkau tugas tradisi disiplin ilmu perakaunan itu sendiri.

Oleh itu, adalah wajar jika kita menerangkan bagaimana cara kita perlu melihat perakaunan dalam memenuhi tuntutan masyarakat Islam. Kalau kita lihat dari perspektif Barat, pada awalnya perakaunan bermula dengan kajian amalan teknik simpanan kira.

Ini telah membolehkan teori perakaunan dibentuk berasaskan kendalian akaun untung rugi. Selepas revolusi industri, paradigma baru disiplin perakaunan muncul yang dikenali perakaunan kos yang membantu pengurusan untuk mengeluarkan dan menghasilkan pulangan ketara.

Pada masa ini, pelaporan kedudukan kewangan adalah dianggap kurang bermakna kesan daripada amalan yang berasaskan budi bicara ke atas tatacara perakaunan yang diamalkan. Di sinilah bermulanya amalan tatacara perakaunan dan pelaporan kewangan diperkenalkan bagi mengawal pendapatan oleh pengurusan.

Perangkaan perakaunan pula adalah satu bayangan atau ilusi yang memberi kesan kepada masyarakat dan aktiviti ekonomi serta perniagaan.

Jadi, untuk melihat fungsi perakaunan dari segi nilai sosial kita perlu meneliti dari segi hubung kait antara perakaunan dan masyarakat. Kemunculan pemikiran perakaunan Islam adalah dipengaruhi gerakan kebangkitan Islam.

Pemikir perakaunan telah mulai cuba menerangkan perakaunan dari sudut pandangan Islam walaupun amalan perakaunan konvensional dianuti di negara Islam. Pelaporan perakaunan adalah wajar dibentuk semula bagi memenuhi keperluan tuntutan ekonomi berasaskan konsep dan prinsip syariah untuk diguna pakai oleh masyarakat Islam.

Perakaunan dalam Islam bermakna muhasabah. Konsep ini telah diterima pakai dalam masyarakat Islam. Muhasabah bukan saja dirujuk kepada aktiviti perakaunan, malah ia memperingatkan individu Islam dalam perkiraan aktiviti manusia supaya bertimbang rasa, bersikap ihsan, saksama dan beretika.

Zakat adalah salah satu daripada rukun Islam. Oleh itu sudah pasti ia memerlukan kepada kaedah perakaunan untuk menentukan nilai yang perlu diserahkan sebagai zakat.

Mungkin sebahagian daripada kita telah sedia maklum bahawa sekurang-kurangnya ada dua asas perakaunan untuk menentukan amaun zakat yang perlu kita tunaikan untuk perniagaan iaitu dasar aset bersih dan dasar modal terlabur.

Kedua-dua asas ini mampu untuk menentukan kepada angka yang sama. Oleh itu dapatlah difahami bahawa ilmu perakaunan itu penting, malah dituntut untuk dipelajari bagi membantu seseorang Islam itu membuat amalan seperti yang dituntut dalam rukun Islam.

Secara perhitungan, dapatlah kita katakan prinsip perakaunan dalam Islam itu telah wujud lebih awal daripada yang disangkakan oleh penulis Barat seperti yang telah dibincangkan bagi memenuhi tuntutan rukun Islam.

Dalil lain adalah seperti yang dinyatakan oleh Allah di dalam Surah Al-Baqarah, ayat 282 yang bermaksud sekiranya kita mengikat kontrak secara berhutang bagi satu tempoh masa, maka kita adalah dituntut untuk menuliskannya.

Inilah pengetahuan utama mengenai perakaunan yang diperintah Allah demi

untuk memastikan ketepatan dari segi pengesahan serta menjadi kaedah terbaik bagi menghindarkan kesangsian mengenai urusan niaga itu yang memungkinkan membawa kepada perbalahan pada masa depan.

Satu lagi isu berkaitan dengan pelaporan kewangan ialah dari segi keperluan mendedahkan penyata perakuan syariah. Tujuannya adalah bagi mempermudah seseorang bakal pengguna maklumat yang menitikberatkan kepatuhan terhadap syariah untuk membuat keputusan pelaburan atau mengurus niaga dengan sesebuah badan perniagaan.

Berdasarkan keperluan itu, adalah wajar sekiranya pemikir perakaunan memberikan perhatian ke atas disiplin perakaunan yang mampu untuk memenuhi aspirasi umat Islam.

* Objektif perakaunan kewangan mengikut perspektif Islam.

Disiplin perakaunan adalah dinamik seperti disiplin ilmu mengenai kewangan dan ekonomi. Oleh itu perubahan perlu sentiasa dilaksanakan bagi mengatasi keadaan semasa berkaitan dengan fenomena semasa yang boleh menjejaskan anggota masyarakat.

Sebagai contoh, dalam hal berkaitan dengan bidang kewangan, perdagangan mata wang itu mengikut hukum asalnya adalah haram. Dengan kata lain berjual beli mata wang yang sama pada nilai pertukaran dan waktu penyerahan yang berbeza adalah haram.

Jadi, jika A membeli ringgit bernilai RM1,000 untuk diterima serahannya 30 hari kemudian dengan membayar harga belian sebanyak RM991.67 pada tarikh semasa, urusan niaga itu adalah haram. Namun demikian adalah diharuskan, sekiranya seorang itu berjual beli mata wang yang berlainan jenis mata wang pada nilai yang berbeza dengan syarat penyerahannya mestilah dilakukan secara serentak.

Sebagai contoh, X membeli mata wang Singapura sejumlah S\$1,000 dengan membayar harga belian itu sebanyak RM1,800. Urusan niaga seumpama ini adalah diharuskan dengan syarat serahan kedua-dua mata wang itu dilakukan secara serentak.

Dilihat dari satu sudut, penilaian ini adalah suatu yang relatif bergantung kepada sejauh mana seseorang itu memberi nilai kepada sesuatu benda. Jadi, unsur yang boleh mempengaruhi nilai mata wang seperti simpanan sandaran emas, lebihan pembayaran dan pertukaran negara dan sebagainya perlu diberikan perhatian semula kerana ia adalah faktor yang mencengkam negara membangun dan yang terlalu bergantung kepada barangan import.

Akhirnya sudah pasti keadaannya tidak akan mengubah nasib negara miskin. Lantaran itu apa yang pernah disarankan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini berikutan kepincangan ekonomi empat tahun lalu untuk mengubah kaedah pertukaran mata wang kepada satu mata wang dunia yang sama bagi penjelasan urusan niaga antarabangsa sememangnya wajar diterima semua negara.

Namun apa yang penting difikirkan adalah elemen penentu pengukuran penilaian pertukaran setiap mata wang negara itu perlulah berasaskan ciri yang lebih saksama.

Jikalau diteliti kepada fenomena di atas, sudah pasti saranan itu bertujuan untuk menjurus kepada cara mengatasi permasalahan ekonomi negara. Keadaan yang sama juga perlu berlaku di bidang perakaunan. Untuk tujuan ini adalah wajar bagi pemikir perakaunan untuk memahami objektif perakaunan kewangan menurut perspektif Islam seperti berikut:

* Bermatlamat bagi menentukan hak dan tanggungan berasaskan ajaran Islam dan keadilan sejagat.

* Memelihara aset atau harta dan hak organisasi serta hak pihak lain.

* Menyumbang kepada kemajuan dari segi keupayaan pengurusan dan produktiviti organisasi serta mendorong kepada pencapaian matlamat dan polisi selaras dengan tuntutan syariah.

* Menyumbang maklumat kewangan bagi membolehkan pihak penggunanya untuk membuat keputusan.

Apabila membincangkan ilmu perakaunan, kefahaman mengenai objektif perakaunan kewangan itu saja adalah tidak mencukupi.

Lantaran ia perlu diperlengkapkan dengan kefahaman mengenai objektif pelaporan kewangan seperti berikut:

* Bagi mendedahkan maklumat yang telah mengasingkan perolehan dan perbelanjaan yang terlarang serta kaedah ia dilupus kira.

* Mengemukakan maklumat mengenai sumber dan tanggungan badan perniagaan atau institusi bagi menilai kedudukan organisasi untuk berdepan dengan permasalahan kewangannya seperti menghadapi kerugian, risiko dan kecairan perniagaan.

* Mengemukakan maklumat yang mampu untuk menentukan amaun zakat.

* Membantu dalam penyediaan aliran tunai berasaskan maklumat semasa bagi menilai keupayaan organisasi mencipta pendapatan untuk diagihkan antara asnaf yang lapan, kerajaan, pemilik, pekerja dan peruntukan bagi penerusan perniagaan pada masa depan.

* Membantu untuk menilai keupayaan badan perniagaan untuk menyelesaikan tanggungjawab kewangan bagi menjaga aset pemilik badan berkenaan.

* Mengemukakan maklumat mengenai fungsi badan berkenaan melaksanakan tanggungjawab sosial serta membantu kerajaan untuk mencapai beberapa dasar utamanya.

Sikap terlalu kebaratan umat Islam telah mempengaruhi amalan pengurusan perdagangan, perbankan dan kewangan. Dunia Islam sepatutnya bebas selepas Perang Dunia Kedua tetapi masih lagi dijajah dari segi politik dan ekonomi serta bergantung kepada Barat.

Ini tidak bermakna ciri kebaratan itu ditolak keseluruhannya. Oleh itu kita perlu bersikap bijaksana dalam pilihan dasar dalam apa saja aspek berkaitan dengan aktiviti kehidupan ini.

Dengan hal yang demikian, perakaunan sebagai teknik kawalan aktiviti perniagaan adalah tertakluk kepada proses perubahan. Piawaian perakaunan sebagai tatacara kendalian perakaunan menyumbang kepada kedudukan ekonomi negara. Oleh itu, aspek sosial perakaunan harus dilihat semula kerana ia dipengaruhi oleh faktor lokasi, perundangan, institusi, sekitaran, nilai sosial dan agama.